

07/07/1998

Umat lemah kerana tidak hayati Islam

KETIKA merasmikan majlis sambutan Maulidur Rasul di Pusat Islam, semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata punca umat Islam hari ini berasakan diri mereka tertekan, dihina dan dijajah secara langsung atau tidak langsung, kerana mereka tidak menjadikan Islam sebagai addin atau cara hidup. Disebabkan tidak menjadikan Islam sebagai addin, umat Islam juga berasakan mereka tidak lagi berjaya, malah ketinggalan zaman dan lemah. Persoalannya apakah umat Islam layak menerima nasib sedemikian? Pada kita, mesej Perdana Menteri ini membawa pengertian yang begitu besar dalam kehidupan umat Islam hari ini yang sering menyalahkan faktor lain terhadap kelemahan sendiri. Sebaliknya, apabila dikaji secara mendalam, mereka sebenarnya mengabaikan amalan mulia sebagaimana ditegakkan oleh Islam. Mereka bukan saja memperkecilkan suruhan wajib agama, malah melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Beberapa perkembangan hari ini menunjukkan mengenai percanggahan amalan umat Islam akibat terpengaruh atau terikut-ikut dengan pelbagai amalan akibat kurang pemahaman mengenai Islam. Bagi sesetengahnya, mereka lebih cenderung kepada pandangan yang terlalu longgar yang boleh merosakkan akidah dan imej agama manakala bagi satu pihak lain pula, terlalu mementingkan kehidupan sesudah mati. Pada kita, kedua-dua kumpulan ini tidak dapat membezakan kehendak agama sebenarnya. Mereka adalah kumpulan yang terpengaruh dengan sesuatu amalan dan pemikiran yang berbeza aliran. Bagi orang asing, percanggahan seperti inilah yang mereka harapkan supaya Islam terus lemah.

Ketidajujuran dan melihat kepentingan diri melebihi daripada kepentingan agama, berlaku secara berleluasa dalam apa bidang sekalipun. Apabila kepentingan diri menguasai emosi, kita tidak nampak bagaimana umat Islam boleh berdiri megah dalam satu barisan. Hari ini, kita melihat umat Islam di beberapa negara menghadapi pelbagai masalah. Ada negara Islam yang ditindas, ada yang menderita akibat peperangan, kemiskinan dan kebuluran. Secara terbuka, kita katakan tidak banyak negara Islam lain yang bersimpati dengan masalah mereka. Pada sesetengah mereka, ada yang berpendapat masalah umat Islam di negara berkenaan adalah hak mereka. Bagi yang bersimpati, mereka juga tidak boleh melakukan apa-apa kerana kemampuan mereka juga terbatas. Jika tegak berasaskan kepada semangat Islam, setiap negara Islam sepatutnya membantu sesama sendiri, apatah lagi seagama. Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir, disebabkan cara hidup yang diamalkan tidak Islam secara menyeluruh, sebaliknya terhad kepada perkara tertentu saja, maka mereka tidak mencapai kebahagiaan hidup seperti yang sepatutnya bagi umat yang menganggap Islam sebagai addin. Umat Islam yang menderita terus menderita tanpa pertolongan, manakala umat Islam yang mampu hanyut dalam arus yang bergelumang dengan kehinaan.

Pada kita, semua ini adalah isu besar yang perlu ditangani segera. Jika semua umat dan negara Islam mematuhi penegasan dalam Islam, kita sebenarnya boleh menguasai dunia. Keadaan ini pernah berlaku berabad lalu iaitu umat Islam menguasai dunia secara fizikal dan mental. Malangnya, keadaan sebaliknya berlaku hari ini iaitu umat Islam terpaksa akur kepada percaturan kuasa besar lain. Hasil mahsul dari negara Islam dieksploitasi tetapi rakyat tidak menerima kemajuan sebagaimana sepatutnya mereka terima.

Ajaran Islam yang dibawa Nabi Muhammad tidak terbatas kepada ibadat semata-mata. Ia merangkumi keseluruhan kehidupan daripada sekecil-kecilnya

hinggalah perkara besar. Jika umat Islam hanya mementingkan ibadat, bermakna kita rela melihat umat Islam terus miskin. Bagaimana Islam harus dihormati, jika umatnya begitu daif. Apakah umat Islam sanggup melihat negara lain terus maju sedangkan di negara Islam, rakyatnya menangis kelaparan dan mengharapakan negara bukan Islam membantu mereka.

Walau apa alasan sekalipun, umat Islam perlu bangkit dan memajukan negara dan rakyat mereka. Mereka bukan saja perlu memasuki bidang teknologi tinggi, malah mampu membuat pelbagai ciptaan baru. Dalam keadaan hari ini, negara Islam sepatutnya sudah menjadi pengeluar ciptaan sains terkemuka menandingi negara Barat. Tanpa berbuat demikian, sampai bila pun tidak wujud kredibiliti di kalangan umat Islam. Jika umat Islam hanya mementingkan dunia akhirat tanpa memikirkan masa depan kemajuan Islam, bermakna mereka rela melihat umat Islam terus dihina. Sempena Maulidur Rasul, kita berharap akan berlaku perubahan sikap di kalangan umat Islam, bukan saja di negara ini, malah di seluruh dunia dengan matlamat untuk menegakkan maruah Islam.

(END)